

ISLAMOFOBIA DI PERANCIS: PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG, AGAMA & BUDAYA DAN POLITIK

Muhammad Fakhri Idlan Ahmad^{1*}, Amirah Nadiah Mohammed Faidzal², Ahmad Faiz
Yaakob³, & Anie Farahida Omar⁴

^{1,2,3,4}Universiti Teknologi MARA (UiTM), Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia

*E-mail: fakhriidlan2020@gmail.com

1. PENGENALAN

Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (PHAM) oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menyatakan hak asasi manusia adalah hak yang dimiliki oleh semua manusia tanpa mengira warna kulit, budaya, jantina ataupun kepercayaan seperti hak untuk menyuarakan pendapat, hak beragama, hak bekerja dan hak mendapatkan pendidikan (United Nations, 1948). Golongan minoriti tidak terkecuali daripada menerima hak-hak tersebut, namun perkara sebaliknya berlaku kepada komuniti Islam di Perancis. Hal ini terjadi disebabkan prinsip sekularisme yang terkandung di dalam undang-undang Perlembagaan Perancis iaitu *Laïcité*. *Laïcité* merupakan suatu prinsip yang menolak campur tangan agama dalam hal ehwal pemerintahan negara, begitu juga ketiadaan campur tangan pemerintah dalam hal ehwal agama seseorang (The Government of the French Republic, 2014). Prinsip ini telah menimbulkan layanan berat sebelah dan meningkatkan kes Islamofobia terhadap komuniti Islam di Perancis. Kajian ini bertujuan untuk mencari faktor-faktor yang menyumbang kepada Islamofobia di Perancis dan kesan-kesannya ke atas mereka. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan teknik analisa sejarah. Selain itu, tujuan penelitian pula menggunakan metode berbasis perpustakaan bagi mengumpulkan data-data sekunder. Kajian ini merumuskan bahawa faktor-faktor tersebut telah menjadi suatu legitimasi untuk memberi layanan yang tidak adil kepada komuniti Islam di Perancis sehingga tercetusnya Islamofobia. Akhir sekali, kajian menunjukkan bahawa negara Perancis telah melaksanakan keadilan yang terpilih dalam melaksanakan hak asasi seperti yang dituntut oleh PHAM.

2. METODOLOGI PENYELIDIKAN

Kajian ini bersifat kualitatif dan sesuai digunakan bagi mengkaji fenomena Islamofobia. Kajian yang menggunakan teknik analisa sejarah ini tertumpu kepada faktor-faktor layanan tidak adil yang diterima oleh komuniti Islam di Perancis serta kesan-kesannya terhadap pendidikan, pekerjaan dan pentadbiran politik. Kaedah pengumpulan data pula adalah berdasarkan data sekunder, terutamanya berasaskan sumber perpustakaan, terdiri buku, jurnal, kertas penyelidikan, artikel, surat kabar dan beberapa laman berkait dengan kerajaan Perancis dan hubungannya dengan minoriti Muslim. Kajian turut menelaah beberapa koleksi pidato dan laporan beberapa pegawai dan ahli politik Perancis dan pembangkang, organisasi bukan kerajaan dan badan antarabangsa yang berkaitan.

3. PERBINCANGAN

3.1 Faktor-Faktor yang Menyumbang kepada Perlakuan Tidak Adil terhadap Komuniti Islam di Perancis

3.1.1 Undang-Undang dan Perlembagaan

Sekularisme di Perancis adalah berdasarkan kerangka *Laïcité* yang bermaksud memisahkan negara dan organisasi agama. Di bawah prinsip ini, penduduk Perancis dilarang memakai sebarang bentuk simbol dan pakaian yang menyatakan kepercayaan agama mereka di tempat awam dan sektor yang melibatkan kerajaan seperti dalam pentadbiran atau perkhidmatan awam ini termasuk sekolah-sekolah kerajaan. Berdasar prinsip *Laïcité* yang diterapkan, beberapa undang-undang baru telah diperkenalkan oleh kerajaan Perancis seperti Undang-Undang 2004-228, diperkenalkan pada 15 Mac 2004, iaitu larangan memakai sebarang bentuk simbol agama atau pakaian yang menunjukkan pertalian dengan fahaman agama di sekolah rendah dan menengah awam. Terlebih dahulu, undang-undang yang melarang pemakaian tudung, niqab, burqa dan khimar di tempat awam turut diperkenalkan pada 11 April 2011. Hal ini telah menjadikan Perancis sebagai negara Eropah pertama yang melarang wanita Islam daripada mengenakan pakaian yang menutup wajah mereka, menggunakan niqab atau burqa di tempat awam (BBC News Indonesia, 2011). Pada tahun 2016, Datuk Bandar Riviera Perancis telah memperkenalkan suatu peraturan yang melarang wanita Islam memakai pakaian renang yang menutupi seluruh tubuh, dikenali sebagai "burkinis". Walau bagaimanapun, *Conseil d'État*, mahkamah pentadbiran tertinggi Perancis, telah menggantung larangan pemakaian burkini tersebut atas alasan ia bertentangan dengan hak kebebasan awam. Keputusan yang sama juga turut dikeluarkan oleh Dewan Negara Perancis setelah mendapat permohonan daripada Liga Hak Asasi Manusia dan kumpulan-kumpulan penyokong komuniti Islam dengan bersandarkan hujah bahawa ia melanggar hak asasi manusia (France24, 2016).

3.1.2 Agama dan Budaya

Kristian adalah agama majoriti di Perancis, yang kemudiannya secara automatik menjadikan agama lain; Islam, Buddha, Yahudi, Hindu, dan Sikhisme sebagai agama minoriti. Masyarakat Islam pula merupakan komuniti agama kedua terbesar setelah Kristian di Perancis. Republik Perancis adalah sebuah negara sekular yang tidak mengakui mana-mana agama sebagai agama rasminya tetapi masih tetap mengizinkan warganegaranya untuk mengamalkan kepercayaan agama masing-masing berikutan Perancis mengamalkan "kebebasan beragama" seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Perancis 1958 dalam Perkara 1. Namun, kebebasan beragama di Perancis bukanlah satu kebebasan yang mutlak memandangkan terdapat beberapa peraturan yang perlu dipatuhi. Peraturan dan undang-undang yang diperkenalkan itu dilihat seolah-olah menyekat kebebasan beragama di Perancis terutamanya terhadap komuniti Islam. Hal ini dapat dilihat dalam insiden pengharaman tudung dan burkini di Perancis berdasarkan undang-undang yang diperkenalkan pada 15 Mac 2004 dan 11 April 2011, yang melarang pemakaian yang menunjukkan pertalian dengan agama dipakai di sekolah awam dan kawasan awam (The Government of the French Republic, 2014). Komuniti Islam di sana berhadapan dengan cabaran apabila mereka mendapat layanan yang tidak adil dari pemerintah dan sebilangan masyarakat majoriti Perancis. Faktor perbezaan dari segi agama dan budaya masyarakat minoriti Islam dengan majoriti penduduk Perancis adalah salah satu sebab utama di sebalik tindakan ini. Hakikatnya, kebanyakan penduduk Islam di Perancis bukanlah penduduk asal di situ memandangkan mereka merupakan imigran yang berhijrah dari negara-

negara seperti Maghribi, Afrika Barat, dan negara-negara Timur Tengah yang telah tersedia menganuti Islam semenjak lahir. Berikutan penghijrahan tersebut telah menjadikan Republik Perancis sebagai salah sebuah negara yang mempunyai populasi orang Islam terbesar di benua Eropah.

3.1.3 Politik

Hubungan antara pemerintah Perancis dan komuniti Islam di Perancis menjadi tegang berikutan kenyataan yang dibuat oleh Presiden Perancis, Emmanuel Macron, pada 2 Oktober 2020, ketika beliau mahu melaksanakan "anti-radikalisme". Dewan Rendah Parlimen Perancis sebulat suara meluluskan Rang Undang-Undang Anti-Radikalisme yang akan meningkatkan kawalan terhadap masjid, sekolah, dan kelab sukan untuk melindungi Perancis daripada 'puak Islamis radikal' dan mendesak mereka untuk menghormati nilai-nilai Perancis. Malangnya, dua minggu kemudian, seorang pemuja radikal telah memenggal kepala Samuel Paty, seorang guru sekolah menengah, di pinggir kota Paris, apabila beliau menunjukkan karikatur Nabi Muhammad di kelasnya. Dalam kejadian lain, seorang pengganas telah membunuh tiga jamaah secara kejam di gereja Nice. Pelakunya memiliki motivasi yang sama dengan pelaku dalam kes pertama; untuk menghukum penistaan dan persendaan terhadap Nabi Muhammad. Malangnya, respon Macron terhadap insiden ini telah mengundang kemarahan masyarakat Islam sedunia apabila beliau menyatakan isu penghujatan (*blasphemy*) terhadap Nabi Muhammad bukanlah suatu "pertembungan peradaban". Sebaliknya, serangan itu merupakan satu perbuatan yang "mempolitikkan" peradaban dan ideologi mereka. Beliau kemudiannya menekankan secara agresif dan menggambarkan ketiga-tiga insiden Charlie Hebdo yang berlaku pada tahun 2011, 2015 dan 2020, iaitu kes serangan terhadap majalah Charlie Hebdo kerana menerbitkan karikatur Nabi Muhammad dalam keadaan yang hina, sebagai satu konsep kebebasan bersuara. Menurut Macron, hak kebebasan bersuara merupakan salah satu teras utama Republik Perancis. Beliau menambah bebas itu bermaksud memiliki "kebebasan untuk percaya atau tidak percaya". Namun, menurut Fareen Parvez, beliau berpendapat bahawa konsep "kebebasan bersuara" di Perancis hanyalah mitos yang dipolitikkan. Beliau turut mempersoalkan sekiranya kenyataan Macron benar, mengapa Perancis menolak dan melarang rakyatnya daripada mempersendakan Holocaust dan Armenia Genocide? (Parvez, 2020).

3.2 Kesan-Kesan Perlakuan Tidak Adil Terhadap Komuniti Islam di Perancis

3.2.1 Hak Pelajar Wanita Islam untuk Menerima Pendidikan di Sekolah Dihalang

Pengenalan Undang-Undang 2004-228 yang melarang pemakaian baju yang memaparkan simbol agama atau kepercayaan seseorang di sektor-sektor awam, termasuk di sekolah rendah dan menengah awam Perancis, telah memberi kesan kepada pelajar sekolah yang beragama Islam. Menurut Kenneth Roth, "Undang-undang yang dicadangkan jelas merupakan suatu pencerobohan terhadap hak individu untuk beragama". Hal ini kerana bagi wanita Islam, memakai tudung merupakan suatu tuntutan dan kewajipan dalam agama (Human Rights Watch, 2004). Larangan tersebut akan memberi kesan kepada wanita Islam secara tidak adil, di samping melanggar peruntukan anti-diskriminasi undang-undang hak asasi manusia antarabangsa serta hak untuk mendapat peluang pendidikan yang sama. Menurut Fouka dan Abdelgadir (2020) dalam kajian terbitan *American Political Science Review*, undang-undang Perancis yang melarang pemakaian tudung di sekolah-sekolah awam di Perancis memberi kesan buruk terhadap kemampuan pelajar perempuan Islam untuk menamatkan pendidikan dan kebolehpasaran mereka di dalam bidang pekerjaan. Rentetan daripada pelaksanaan Undang-undang 2004-228, pelajar perempuan Islam terpaksa meneruskan persekolahan tanpa memakai

tudung. Sekiranya mereka gagal mematuhi peraturan tersebut, suatu rundingan akan diadakan. Sekiranya rundingan tersebut gagal mencapai kata sepakat, pelajar akan dikeluarkan dari sekolah tersebut. Selain itu, bagi mereka yang gagal mematuhi peraturan, mereka turut diberi pilihan seperti berhenti sekolah (jika mereka berusia lebih dari 16 tahun), bertukar ke sekolah swasta, mendaftar pembelajaran secara atas talian atau meninggalkan negara Perancis. Pengenalan Undang-Undang 2004-228 juga telah menyebabkan pelajar perempuan Islam terlewat dalam menamatkan pendidikan sekolah menengah hingga memberi impak kepada penglibatan dalam sektor pekerjaan yang rendah, pengangguran, dan kebarangkalian yang lebih tinggi untuk tinggal bersama ibu bapa dalam jangka masa yang panjang.

3.2.2 Orang Islam Bergelut Dengan Isu-Isu Pengangguran, Ketidakkampuan Untuk Bersosial Dan Perkauman Yang Sistemik

Layanan tidak adil yang diterima oleh komuniti Islam telah menyebabkan mereka bergelut dengan cabaran. Kerajaan Perancis menuntut rakyatnya untuk berintegrasi namun pelaksanaan dasar negara yang tidak adil telah menimbulkan kebencian terhadap komuniti Islam. Mereka berhadapan dengan kesukaran untuk mendapat kerja di Perancis. Dr. Hamed Benseddik, seorang profesor dalam pengajian *Decolonial Studies* menyatakan, "*Modern France and Colonial France haven't really changed*". Beliau menjelaskan kegagalan kerajaan Perancis adalah berpunca daripada idealisme mereka yang bercanggah. Tambah beliau, bagaimana sebuah negara yang dikatakan menyokong hak kebebasan dan kesamarataan, pada masa yang sama turut menolak hak seseorang untuk beragama dan menganggap komuniti Arab dan Islam sebagai warga kelas kedua? (Bensaid, 2020). Hal ini kerana, masyarakat berkulit putih sering menjadi keutamaan berbanding kumpulan masyarakat lain seperti masyarakat berkulit hitam dan Arab, baik di tempat kerja, mahupun dalam bidang pendidikan. Kerajaan Perancis ternyata gagal menerap prinsip revolusi yang mereka sendiri perjuangkan dengan melaksanakan keadilan yang terpilih.

3.2.3 Penindasan Komuniti Islam Di Perancis Melalui Dasar Pemerintahan Kerajaan

Layanan tidak adil terhadap komuniti Islam oleh kerajaan Perancis dianggap sama seperti memerangi orang Islam secara keseluruhan. Menurut Yasser Louati, pemimpin *Justice & Liberties for All Committee*, umat Islam tidak menuntut hak istimewa, sebaliknya mereka hanya tidak mahu diganggu. Sekiranya berlaku kekacauan, kerajaan Perancis seharusnya terlebih dahulu menyiasat dan meneliti faktor-faktor yang menyebabkan 'terorisme' dan bukannya membuta tuli menyalahkan satu-satu komuniti terutama Islam serta menganggap semua orang Islam di Perancis turut terlibat dengan kekacauan yang berlaku itu (TRT World, 2020). Kerajaan Perancis telah lama menggunakan komuniti Islam sebagai kambing hitam, yang juga dikenali sebagai "*Islamodiversion*", setiap kali berlakunya rusuhan atau kekacauan di negara itu, contohnya insiden protes terhadap reformasi saraan pada tahun 2003 dan 2010, krisis ekonomi pada tahun 2009, dan termasuklah serangan pengganas pada tahun 2016 (Fundación de Cultura Islámica, 2016). Pada 18 November 2020, Presiden Macron telah mengeluarkan kata dua kepada pemimpin komuniti Islam, Majlis Kepercayaan Muslim Perancis (CFCM), yang mana beliau melarang organisasi Islam daripada terlibat dalam kegiatan politik. Tuntutan Macron dalam menetapkan selama 15 hari kepada CFCM untuk menerima "prinsip piagam republik" dilihat sebagai salah satu daripada strateginya untuk mengawal komuniti Islam daripada mengamalkan kebebasan beragama dan bersuara di Perancis. Menurut Yasser Louati, "prinsip piagam republik" yang disampaikan oleh Macron,

dengan jelas telah mencerooboh bukan sahaja hak kebebasan untuk bersuara bahkan hak untuk berhimpun secara aman. Pendirian Macron telah menyebabkan kesemua institusi agama seperti masjid berada dalam pengawasan yang berterusan oleh pihak kerajaan.

4. KESIMPULAN

Kerajaan Perancis wajar membuat semakan semula terhadap tafsiran prinsip *Laïcité* yang kabur kerana telah menjadi punca kepada polemik semasa yang telah berterusan semenjak dahulu. Pelaksanaan layanan yang tidak adil ternyata telah melanggar hak-hak seperti hak untuk beragama, bersuara dan menerima pendidikan seperti yang dinyatakan di bawah PHAM. Kerajaan juga perlu mengurangkan kawalan yang berlebihan terhadap rakyat memandangkan keadaan ini telah melahirkan golongan ekstremis akibat tekanan yang diberikan oleh kerajaan. Toleransi adalah kunci utama dalam memastikan polemik ini dapat diselesaikan secara baik. Masyarakat dunia juga haruslah adil dalam menilai situasi ini agar layanan tidak adil terhadap komuniti Islam di Perancis mendapat perhatian dan penyelesaian. PBB, meskipun tidak dapat melaksanakan tindakan secara terus terhadap Perancis, namun resolusi ataupun tekanan daripada komuniti dunia sebenarnya dapat membantu komuniti Islam di Perancis daripada terus ditekan secara tidak adil.

5. PENGHARGAAN

Kami ingin mengucapkan syukur kepada Allah S.W.T yang memungkinkam kami menyelesaikan penulisan ini. Semoga penulisan kami ini dapat memberi manfaat dan sumbangan ke dalam dunia akademik.

6. RUJUKAN

- Abdelgadir, A., & Fouka, V. (2020). Political secularism and Muslim integration in the West: Assessing the effects of the French headscarf ban. *American Political Science Review*, 114(3), 707-723.
- BBC News. (2009, August 12). *French pool bans 'burkini' swim*. Retrieved from <http://news.bbc.co.uk/2/hi/europe/8197917.stm>
- BBC News. (2018, May 31). *The Islamic veil across Europe*. Retrieved from <https://www.bbc.com/news/world-europe-13038095#:~:text=France,the%20risk%20of%20a%20fine>.
- BBC News Indonesia. (2011, April 11). *Larangan burka di Prancis*. Retrieved from https://www.bbc.com/indonesia/dunia/2011/04/110411_franceburqa
- Bensaid, A. (2020, February 19). *France's 'Muslim' problem and the unspoken racism at its heart*. Retrieved from <https://www.trtworld.com/magazine/france-s-muslim-problem-and-the-unspoken-racism-at-its-heart-33939>
- France24. (2016, August 26). *France's top court overturns burkini ban in Riviera town*. Retrieved from <https://www.france24.com/en/20160826-top-court-state-council-overturns-burkini-ban-french-riviera-villeuneve-loubet>
- Fundación de Cultura Islámica. (2016, September 30). *Islamodiversion, Islamophobia, and the French government*. Retrieved from <http://twistislamophobia.org/en/2016/09/30/islamodiversion-islamophobia-and-the-french-government/>

- Human Rights Watch. (2004, February 26). *France: Headscarf ban violates religious freedom*. Retrieved from <https://www.hrw.org/news/2004/02/26/france-headscarf-ban-violates-religious-freedom>
- Parvez, Z. (2020, October 26). *The politicisation of civilisations and ideologies: Macron, Charlie Hebdo, and blasphemy in France*. Retrieved from <https://www.middleeastmonitor.com/20201026-the-politicisation-of-civilisations-and-ideologies-macron-charlie-hebdo-and-blasphemy-in-france/>
- Republic of France. (1958). *French Constitution of 4 October 1958*. National legislative Bodies.
- The Government of the French Republic. (2014, July 11). *Secularism and religious freedom*. Retrieved from <https://www.gouvernement.fr/en/secularism-and-religious-freedom>
- TRT World (Director). (2020). *Has France waged a political war against Muslims?* [Motion Picture].
- United Nations. (1948). *Universal Declaration of Human Rights (UDHR)*. United Nations.